

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Mansor bin Othman**  
**[ Nibong Tebal ]**

**TARIKH : 22 Mac 2017**

**SOALAN : Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI berakah jumlah bilangan peserta dan nilai pinjaman yang ditawarkan kepada golongan belia di negeri Selangor dan Pulau Pinang oleh TEKUN Nasional semenjak tahun 2008 hingga 2016 mengikut jenis-jenis perniagaan yang mereka ceburi**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Sejak tahun 2008 sehingga 2016, TEKUN Nasional telah mengeluarkan pembiayaan kepada 26,710 orang belia di Selangor bernilai sebanyak RM378,081,324. Manakala bagi negeri Pulau Pinang pula adalah seramai 9,709 dengan jumlah pinjaman sebanyak RM 107,589,582. Golongan belia ini rata-ratanya banyak menceburi bidang perkhidmatan iaitu seramai 20,117 orang ( 55.2% ), peruncitan seramai 10,294 orang ( 29.6% ), pembuatan seramai 2,505 orang ( 6.9% ), pertanian dan industri asas tani seramai 2,324 orang ( 6.4% ) dan pembinaan/kontraktor kecil seramai 705 orang ( 1.9% ).